

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 16 MEI 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	NICE 2015	New Straits Times
2.	Futsal Piala Datuk Dr. Abu Bakar esok	Utusan Malaysia
3.	Nepal dilanda gempa bumi sederhana malam ini	BERNAMA
4.	Laksana 'cyberparenting'	Harian Metro
5.	Mohamad Jais cipta gasing plastik	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR  
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 09  
TARIKH : 16 MEI 2015 (SABTU)

The advertisement features a yellow header bar with the text "15 nice NATIONAL INNOVATION CONFERENCE AND EXHIBITION". To the right is the Malaysian coat of arms and the MOSTI logo. Below the header, a large graphic says "beyond INNOVATION" with a speech bubble containing "Join Us!". A small robot arm holds a QR code. The event details "21 - 23 MAY 2015" and "KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC)" are listed. On the right, a portrait of YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Minister of Science, Technology and Innovation, is shown. Logos for concurrent events like ITEX 15 and Sains & Inovasi are at the bottom.

**15**  
**nicE**  
NATIONAL INNOVATION  
CONFERENCE AND EXHIBITION

beyond  
INNOVATION

Join Us!

21 - 23  
MAY 2015 | KUALA LUMPUR  
CONVENTION CENTRE  
(KLCC)

YB Datuk Dr. Ewon Ebin  
Minister of Science, Technology and Innovation

Concurrent Events  
**ITEX 15**  
20<sup>th</sup> International Investor & Innovation Exhibition

NATIONAL  
INNOVATION  
AWARD

Sains &  
Inovasi  
Peneraju Transformasi  
Dalam Negeri dan...  
...

#NICEMOSTI2015 [www.mosti.gov.my/nice2015](http://www.mosti.gov.my/nice2015)

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 30**  
**TARIKH: 16 MEI 2015 (SABTU)**

## Futsal Piala Datuk Dr. Abu Bakar esok

**MELAKA 15 Mei** - Pejabat Parlimen Tangga Batu dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Pertubuhan Pemikir Muda Malaysia (PPM) bakal menganjurkan Kejohanan Futsal Piala Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah pada 17 Mei ini di Arena Sports, Klebang di sini.

Presiden PPM, Mohd. Rafiq Naizamohideen berkata, kejohanan julung kali diadakan bermula dari pukul 8 pagi hingga 8 malam itu dijangka bakal disertai sebanyak 60 pasukan dari seluruh negeri.

"Kejohanan yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai lebih RM8,000 itu bakal dirasmikan oleh Ahli Parlimen Tangga Batu merangkap Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Jelas Mohd. Rafiq, matlamat utama kejohanan tersebut adalah



**ABU BAKAR  
MOHAMAD DIAH**



**MOHD. RAFIQ  
NAIZAMOHIDEEN**

untuk melahirkan generasi muda yang aktif bersukan dan mementingkan penjagaan kesihatan dari peringkat awal.

"Penglibatan aktif golongan muda ini bukan sahaja dapat melahirkan individu yang mempunyai keupayaan dari segi berfikir yang tinggi tetapi juga berkeyakinan serta bersemangat dalam melakukan apa-apa perkara," ujarnya.

Beliau berkata, selain menggalakkan amalan bersukan, kejohanan itu juga dilihat mampu me-

nambah sekurang-kurangnya 200 ahli baharu UMNO dan jumlah pengundi muda di negeri ini.

"Ini kerana, setiap peserta yang ingin menyertai kejohanan ini diwajibkan mendaftar sebagai ahli UMNO dan pemilih yang seterusnya dapat memberi sokongan padu kepada kerajaan sedia ada pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pasukan yang menujuarai kejohanan berkenaan bakal menerima hadiah wang tunai sebanyak RM3,000 serta piala dan pingat manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing menerima RM2,000 dan RM1,000.

Mereka yang berminat untuk menyertainya boleh mendaftar melalui UMNO cawangan masing-masing selewat-lewatnya 16 Mei ini.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pejabat Parlimen Tangga Batu di talian 06-3518771 atau 012-9801467/013-3441135.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 16 MEI 2015 (SABTU)**



## **Nepal Dilanda Gempa Bumi Sederhana Malam Ini**

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.6 pada skala Richter melanda Nepal pada 7.34 malam ini (waktu Malaysia).

Dalam kenyataannya hari ini, **Jabatan Meteorologi Malaysia** berkata pusat gempa bumi itu dikesan 319 kilometer (km) di barat laut Dinajpur, Bangladesh dan 2,753 km di barat laut Padang Besar, Perlis.

Jabatan itu juga melaporkan gempa bumi berukuran 5.4 pada skala Richter juga berlaku di Xizang (Tibet) pada 7.34 malam ini.

Pusat gempa berkenaan dikesan 316 km di barat laut Dinajpur dan 2,757 km di barat laut Padang Besar.

Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami.

Gempa bumi dahsyat pada 25 April dan 12 Mei di Nepal telah mengorbankan lebih 8,500 orang dan memusnahkan harta benda bernilai berbilion dolar di negara itu.

Menurut Pertubuhan Bangsa Bersatu, hampir lapan juta orang atau lebih satu perempat daripada jumlah penduduk Nepal terjejas akibat dua gempa bumi itu.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 07**  
**TARIKH: 16 MEI 2015 (SABTU)**

**Kuala Lumpur:** Setiap ibu bapa harus memahami istilah kawalan siber atau 'cyberparenting' dalam kalangan anak mereka yang merujuk kepada penguasaan literasi digital selaras dengan dunia dan budaya digital yang menjadi kebiasaan generasi kini.

**Ketua Pegawai Eksekutif Cyber-Security Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab** berkata, usaha itu penting bagi mengelak golongan itu terutama yang masih kecil terjebak

## Laksana 'cyberparenting'

ke dalam aktiviti negatif alam maya dan bukannya mengalihkan tanggungjawab berkenaan kepada pihak berkuasa untuk mencegah.

"Sukar dan tidak adil meletakkan semua bebanan kepada pihak berkuasa seperti kami (CyberSecurity Malaysia) untuk memantau kandungan Internet terutama aplikasi negatif sedangkan ia boleh dicegah

ibu bapa di peringkat awal melalui peranan cyberparenting itu.

"Jika peranan itu dapat dipikul, penggunaan Internet sebagai alat pendidikan, alat produktiviti dan platform sosial yang berguna untuk anak-anak pasti dapat dicapai," katanya.

Menurut beliau, pihaknya setakat ini belum menerima laporan

kewujudan aplikasi sembang sosial melalui webcam yang boleh dimuat turun secara percuma melalui telefon bimbit, namun mengalu-alukan mereka yang mempunyai maklumat melaporkannya kepada CyberSecurity Malaysia.

"Kami akan menyiasat kandungan aplikasi itu sebelum tindakan susulan seperti melaporkan sendiri secara 'online' kepada laman pemilik perkhidmatan bagi mengeluarkan aplikasi itu," katanya.

**KERATAN AKHBAR  
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 16  
TARIKH : 16 MEI 2015 (SABTU)**



Pak Ngah Jais giat mempromosikan permainan gasing bagi memastikan ia terus dipelihara dan dikenali generasi muda akan datang.

# Mohamad Jais cipta gasing plastik

■ NORSHAZURA MAT ZUKI

PERMAINAN gasing begitu popular dalam kalangan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Permainan tradisional ini dipelopori kaum lelaki.

Kebiasaannya, gasing diperbuat daripada pelbagai jenis kayu bagi tujuan ketahanan ketika dibaling. Antara kayu yang sering digunakan dalam pembuatan gasing adalah seperti kemuning, merbau, rambai, durian atau kundang. Kayu tersebut akan ditakik dan dikikis sehingga menjadi bentuk gasing.

Namun, kerana sukar mendapatkan kayu berkualiti, gasing semakin sepi dan permainan ini tidak lagi di-

mainkan di sekolah-sekolah ataupun acara lain. Di atas dasar sayang pada permainan tradisional ini, tercetuslah idea untuk mengolah gasing kepada sesuatu yang lebih mudah kepada pemainnya.

Mohamad Jais Razali, 60, mencipta inovasi baharu iaitu gasing jenis polimer sejak lima tahun lalu.

Katanya, bukan hanya sukar mendapatkan kayu, malah dia mahu mencipta gasing dengan gaya baharu yang selamat dimainkan termasuk golongan wanita.

"Kalau dulu, gasing kayu agak berat dan agak bahaya kerana sisinya beratnya. Apabila saya buat gasing menggunakan polimer, ia mudah

dan tidak memerlukan timah untuk menyokong keseimbangannya.

## Cipta gasing polimer demi keselamatan

Dikenali sebagai Pak Ngah Jais, dia yang cintakan gasing bercita-cita mahu memastabatkan permainan gasing hingga peringkat antarabangsa.

"Saya mahu permainan gasing dikitarfari seperti manis sepak raga yang kini dikenali sepak takraw.

"Polimer menggantikan kayu adalah disebabkan beberapa kelebihan antaranya mudah pecah dan bahaya kepada pemain.

"Masalah ini sering berlaku dalam setiap pertandingan gasing. Kami bimbang, jika permainan ini melibatkan kanak-kanak kerana ia membahayakan keselamatan mereka," katanya.

Beliau berkata, inovasi gasing polimer mempunyai banyak kebaikan antaranya lebih selamat digunakan kerana tidak pecah apabila gasing tersebut dipangkah.

"Ia juga dapat menjimatkan masa, mengurangkan kos serta mesra alam kerana tidak perlu menggunakan batang pokok berbanding dengan gasing biasa," katanya.

Pak Ngah Jais memberitahu, gasing plastik dapat meng-

## PRODUK INOVASI

atas kesukaran menghasilkan gasing kayu dalam kuantiti yang banyak.

Antara pencapaian khas yang diraihnya ialah gasing polimer ciptaananya menggunakan mold yang direka khas oleh Universiti Putra Malaysia dan dikeluarkan di Technology Park Malaysia.

"Sebanyak 1,500 unit berjaya dihasilkan dan diuji akan keberhasilannya di beberapa buah sekolah yang terpilih sekitar April tahun lalu," katanya yang berasal dari Temerloh Pahang.

Tidak hanya itu, gasing polimer ini turut menerima Anugerah Inovasi daripada Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) pada 2012 yang membawa pulang wang tunai RM10,000 bersama sebuah piala.

"Terima kasih YIM kerana mempromosi dan membantu penambahbaikan gasing sejak awal hingga ke hari ini," katanya.

## Mosti bantu Mohamad Jais

Selain itu, melalui pembuatan gasing polimer ini, Mohamad Jais berjaya mendapat dana untuk

pembangunan atau penambahbaikan produk baharu (Innofund) sebanyak RM240,000 daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Msti).

"Dengan gasing polimer ini, pertandingan gasing akan lebih telus dan adil kerana berat dan bahan yang digunakan adalah seragam."

"Berbanding gasing tradisional yang diperbuat daripada pelbagai jenis kayu dan penambahbaikan besi supaya gasing mereka lebih kukuh dan tahan lama," katanya.

YIM turut mencipta satu Festival Gasing Kebangsaan bersempena dengan Karnival Kreativiti & Science4U, peringkat Zon Tengah di Putrajaya pada 16 hingga 18 April lalu.


Festival Gasing Kebangsaan 2015 berjaya mengangkat dan mempopularkan permainan tradisional ini kepada umum.

Atas dasar itu, Festival Gasing Kebangsaan ini mampu memberi impak positif serta membentuk jaringan budaya di antara negara, negeri, kementerian, jabatan dan kumpulan gasing khususnya serta masyarakat umumnya.

"Objektif pertandingan ini adalah memastabat dan mempopularkan kesenian sukan rakyat khususnya gasing di kalangan masyarakat sehingga ke peringkat Asean dan antarabangsa."

"Melalui pertandingan ini, YIM dapat memperkenalkan gasing polimer kepada semua masyarakat dan memberi pendekahan berkaitan teknik permainan atau gerakan, jenis dan perbezaan gasing atau kaedah pembuatan gasing itu sendiri," katanya.

Festival Gasing Kebangsaan dengan kerjasama Persekutuan Gasing Malaysia (Pegama) berjaya mendapat lebih 48 penyertaan dari pelbagai negeri yang berpeluang memenangi wang tunai RM5,700.



Gasing jenis polimer tidak memerlukan timah untuk seimbangannya dan ia mudah dimainkan termasuk golongan wanita.



YIM juga giat melaksanakan pelbagai program permainan gasing.